



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பிளாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

12 Ogos 2022

Bebaskan Daripada Kurungan Dan Hentikan Membina Lebih Banyak Zoo

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) ingin menyuarakan kebimbangan terhadap pembinaan zoo baharu di atas tanah seluas 20.2 hektar di Iskandar Puteri, Johor.

Objektif untuk pembinaan zoo pada umumnya adalah untuk menarik orang ramai. Idea zoo sebagai tarikan pelancong ini perlu dibuang memandangkan kebanyakan penubuhan pusat haiwan ini sama sekali tidak mengetahui mengenai penjagaan yang betul untuk hidupan liar, menyebabkan haiwan itu mengalami penderitaan yang teruk. Turut dipersoalkan ialah kekerapan pelawat ke zoo baharu.

Bertentangan dengan kepercayaan bahawa zoo ini menarik pelancong, zoo yang baharu dibina menarik lebih daripada 80% pelawat mereka daripada dalam komuniti di sekitar mereka sendiri, dan lebih separuh adalah orang yang kerap membuat lawatan balik yang juga sering berlaku. Pelawat yang kembali itu berhenti datang dari semasa ke semasa, menyebabkan hasil kutipan di pintu masuk merosot dan keadaan zoo semakin terjejas. Pada hakikatnya, kebanyakan orang ramai hanya menghabiskan beberapa saat sahaja pada setiap pameran, menunggu haiwan melakukan sesuatu yang "menarik" tetapi mereka hanya mendapat sedikit sahaja mengenai pemahaman sebenar tentang haiwan itu, sekiranya ada.

Walaupun mereka mengaku amat prihatin terhadap haiwan itu, zoo boleh digambarkan dengan lebih tepat sebagai "pengumpul" haiwan yang menarik berbanding sebagai tempat perlindungan atau rumah sebenar. Zoo berbangga dengan koleksi beberapa spesies eksotik tanpa memikirkan ruang, yang sering kali tidak mencukupi dan kekurangan dalam kebanyakan penubuhan pusat seperti itu. Walaupun dalam keadaan terbaik di zoo yang terbaik, kurungan itu sebenarnya tidak boleh meniru habitat haiwan liar.

Ahli politik dan penyokong zoo tidak seharusnya melihat zoo sebagai tempat untuk menghiburkan dan berhibur tetapi sebaliknya menangani persoalan sama ada zoo itu patut wujud atau tidak dan jika kewujudannya akan memberikan sebarang tujuan. Perkara yang perlu ditekankan ialah di zoo dan semua penubuhan zoologi iaitu zoo mini, taman ular, taman burung, ladang ular dan taman rama-rama, piawaiian kebajikan haiwan hampir tidak dipenuhi, sering pula mendapat kritikan daripada orang ramai. Zoo dibina terutamanya adalah untuk keselesaan pengunjung dan bukannya untuk keselesaan haiwan.

Meletakkan haiwan dalam persekitaran yang tidak sesuai untuk spesies boleh menyebabkan masalah tekanan dan tingkah laku. Haiwan dalam kurungan di zoo didapati mengalami sindrom zoochosis akibat penyingkiran haiwan ini daripada habitat semula jadinya, kekecewaan, kebosanan, kekurangan kehidupan dalam kumpulan sosial biasa dan tingkah laku stereotaip yang lain. CAP percaya bahawa hidupan liar ini tidak boleh dikurung sama sekali jika keperluannya tidak dapat dipenuhi.

Zoo tidak membiakkan haiwan dengan tujuan untuk menambah populasinya yang terancam. Anak-anak haiwan ini adalah daya penarik kepada orang ramai yang membawa pengunjung melalui pintu pagar untuk mengunjunginya. Namun ia juga yang dianggap oleh zoo sebagai 'haiwan lebihan'. Apabila disoal apakah yang zoo lakukan dengan 'lebihan' ini, jawapannya sentiasa sama iaitu 'bertukar dengan zoo lain'. Ini amat diragui kerana kebanyakan kelompok zoo ini juga mempunyai spesies hidupan liar yang serupa, oleh itu, adakah lebihan haiwan ini benar-benar berada di zoo tempatan kita atau ditukar dengan beberapa zoo lain yang teruk di luar negara? Sebenarnya, pembiakan dalam kurungan memberikan orang ramai rasa selamat yang salah mengenai kelangsungan hidup spesies.

Bagi hidupan liar untuk terus hidup, komuniti zoo mesti mengalihkan tumpuannya daripada menjaga dan membiak haiwan di dalam kurungan kepada mengarahkan perhatian kepada punca utama mengapa hidupan liar di seluruh dunia berada dalam bahaya: kemusnahan habitat, pemburuan haram dan perdagangan haiwan eksotik. Selagi tiada pemuliharaan hidupan liar dalam pembiakan kurungan liar tidak akan membuat sebarang perbezaan.

Usaha pemuliharaan yang serius bermula dengan komitmen manusia untuk menghentikan pencerobohan terhadap habitat hidupan liar dan tidak mengumpul megafauna berkarisma untuk diletakkan di dalam kurungan sebagai trofi hidup.

Sering kali Ahli Parlimen, Exco Kerajaan Negeri dan wakil rakyat kelihatan obsesi dengan idea bahawa kemudahan haiwan di daerah dan pekan kecil adalah satu-satunya jawapan kepada tarikan utama pelancong. Penubuhan pusat haiwan seperti itu yang dikendalikan sama ada oleh Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, Kerajaan Negeri atau pengusaha swasta mendedahkan banyak pameran burung dan haiwan di dalam kandang yang sempit dan tandus di mana penghuninya sering dieksploitasi untuk melakukan helah atau untuk sesi fotografi. Dengan lebih 14 zoo dan 20 pusat pameran hidupan liar kekal di Semenanjung Malaysia dan satu lagi akan dibuka, cukup-cukuplah!

Malaysia perlu menghentikan pembinaan lebih banyak zoo, tetapi sebaliknya memberikan tumpuan kepada menambah baik zoo yang tidak memenuhi syarat untuk memastikan ia memenuhi standard perumahan, penternakan, kebajikan dan kesihatan yang tepat untuk semua penghuni dalam kurungan mereka.

Mohideen Abdul kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)